

# Gah! Gaya Hidup • Artistik • Hiburan

Bidang pengajian seni halus mungkin masih dilihat sebagai cabang pendidikan yang dikhuatiri tidak akan membawa hasil pendapatan menggalakkan. Namun, bagi tiga belia berikut, ia banyak membuka peluang bagi mereka mencapai kecemerlangan berbekalkan kegigihan dan tekad bulat. Seni halus bukan sahaja wadah meluahkan rasa, malah menjadi alat mengenali tentang kehidupan. **HARYANI ISMAIL** (haryani@sph.com.sg) melaporkan.

## Seniman muda 'Kelas Pertama' tidak lagi main-main

RASA tidak serasi dalam laluan prauniversiti membuat Encik Qamarul Asyraf Hosri hanya belajar di Institut Millennia selama tujuh bulan.

Sayangnya, apabila beliau melangkah kaki ke kursus Diploma Seni Halus di Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) bagi memburu minat dalam lukisan, jiwa mudanya yang masih ingin bermain-main dan tidak serius belajar menjadi hambatan maju dalam pengajian.

Encik Qamarul, kini 27 tahun, malah menghabiskan masa yang panjang selama lima tahun bagi kursus diploma tersebut. Disebabkan sudah sampai tempoh maksimum menuntut di situ, beliau dibuang sekolah kerana dianggap hanya membuang masa di institusi tersebut.

Mujurlah, kepercayaan seorang pegawai pentadbiran di Nafa terhadap potensinya dalam bidang seni serta keupayaannya berubah berjaya menemukannya semula di institusi itu. Pegawai itu berusaha meyakinkan pihak pengurusan dan pentadbiran Nafa agar menerima Encik Qamarul semula.

Pemuda berkaca mata itu malah berjaya mengganggah segulung diploma dan ditawarkan tempat bagi mengikuti kursus setahun, Sarjana Muda Sastera dalam Seni Halus (Kepujian) di Nafa, selepas tamat tempoh Perkhidmatan Negara (NS).

Baru-baru ini, Encik Qamarul, anak sulung dalam empat beradik, membanggakan keluarganya apabila beliau lulus dengan Kepujian Kelas Pertama. Beliau kini menjalani tugas sebagai jurulatih seni lukis di sekolah dan bercadang menjadi seorang pendidik seni halus.

Ketika ditemui *Gah!* di Nafa baru-baru ini, Encik Qamarul berkata:

"Sebenarnya, cinta saya pada bidang lukisan berputik sejak kecil lagi setelah melihat ibu saya juga cenderung menghasilkan lukisan batik.

"Bagaimanapun, memandangkan keputusan Sijil Am Pelajaran (GCE) Peringkat 'O' saya memuaskan, saya ikut nasihat ibu dan masuk ke kelas prauniversiti di Institut Millennia.

"Selepas beberapa bulan di situ, saya kian resah kerana hanya suka mata pelajaran Sastera Inggeris sahaja. Saya buat hal dan hanya duduk kertas peperiksaan subjek yang saya minati sahaja. Yang tak minat, saya tinggalkan begitu sahaja.

"Melihatkan keadaan saya yang membimbangkan, ibu saya akur dengan keputusan Nafa ingin bertukar ke Nafa.

Tapi di sekolah seni ini, saya masih teruskan tabiat saya yang suka bermain, bermalasan dan buang masa sampai terpaksa mengulangi pengajian saya berkali-kali hingga tempoh maksimum lima tahun."

Apabila dibuang sekolah, Encik Qamarul akui dirinya bingung dan tiada arah tuju. Bantuan pegawai pentadbiran yang khuatirkan masa depannya amat dihargai. Beliau juga bersyukur mempunyai teman karib, Encik Nhwafal Juma'at, yang banyak memberinya perangsang dan merupakan teladan bagi ramai pelajar jurusan seni.

"Saya lihat Nhwafal berjaya mendapat ijazah Kepujian Kelas Pertama dalam seni halus. Di kala saya hilang semangat meneruskan pengajian ke peringkat ijazah kerana terasa 'api' untuk belajar lagi dah padam kerana dah banyak buang masa di peringkat diploma, Nhwafal memberi saya keyakinan saya mampu mengharungi pengajian setahun lagi.

"Alhamdulillah, saya jadikan Nhwafal dan pelajar Melayu lain yang dapat ijazah Kepujian Kelas Pertama sebagai dorongan mencapai kejayaan," jelas Encik Qamarul lagi.

Tesis tahun kepujannya menyelongkar perihail seni pengakuan, sejenis seni kontemporari yang menganalisis secara mendalam diri seorang seniman, subjek yang dijadikan bahan seni ataupun sebarang pengalaman kontroversial atau emosi mengejutkan.

"Gerakan seni pengakuan ini meletakkan nilai kejut pada karya seni. Saya cuba kaitkan pengamatan seni ini pada kehidupan dengan persamaan dilihat dengan proses mencungkil rahsia si penjenayah secara terperinci," katanya lagi.

Encik Qamarul akur tempoh setahun pengajian membuatnya sentiasa bergegas mengejar masa bagi menyelesaikan pelbagai projek seni.

"Sungguhpun begitu, saya gembira dapat memanfaatkan minat saya terhadap sastera dan pantun Melayu dalam kerja seni saya. Saya melakukan tugas sukar menterjemah pantun tersebut menjadi susunan ayat indah dalam bahasa Inggeris bagi projek tahun akhir saya.

"Segala jerih payah kini rasa berbaloi. Di akhirnya, saya tidak fikir seorang lulusan seni halus harus rasa dirinya dihipit kesukaran mencari rezeki selepas ini. Kalau ada kemahuan, pasti ada jalan. Berbekalkan kejayaan yang diraih, saya ingin menyebarkan ilmu seni kepada generasi akan datang serta mempengaruhi mereka agar memanfaatkan seni bagi kehidupan," katanya lagi.



**DIPENGARUHI KEJAYAAN TEMAN LAIN:** Encik Qamarul Asyraf Hosri yang pernah melalui tempoh 'kenakalan remaja' apabila beliau hilang fokus terhadap pengajian sehingga diberhentikan daripada Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa) terdorong mencapai kejayaan cemerlang selepas melihat beberapa teman meraih ijazah Kepujian Kelas Pertama dalam bidang seni halus. - Foto-foto JOHARI RAHMAT

## Karya seni rapatkan jurang komunikasi dengan abang



**MENCURAH RASA DALAM KARYA:** Cik Amierah Hazimah Azman menggunakan kerja seni berupa cetakan pengalamannya peribadinya sebagai wadah berbincang dengan abangnya yang mengalami autisme lantas merapatkan jurang komunikasi antara mereka.

KERJA seni bagi Cik Amierah Hazimah Azman bukan sahaja indah dipandang mata dan menenangkan.

Lebih daripada itu, ia boleh menjadi wadah meluahkan perasaan yang terpendam terhadap sesuatu isu yang sulit dibincangkan secara terbuka.

Manfaat dan fungsi luar biasa seni inilah yang dapat dinikmati Cik Amierah, 21 tahun, yang baru-baru ini lulus dengan Diploma Seni Halus daripada Akademi Seni Halus Nanyang (Nafa).

Beliau menggunakan kerja seni berupa cetakan imej bak papan cerita yang bertajuk *The Concealed Truth* bagi menyampaikan isi hatinya kepada abang sulungnya yang mengalami autisme.

"Sebelum ini, saya memang tidak tahu abang mengalami autisme tahap sederhana. Saya sangkakan beliau hanya tidak ambil pusing tentang keadaan sekelilingnya.

"Bagaimanapun, saya terkejut apabila beliau tiba-tiba payah mengawal emosi marahnya hanya kerana saya enggan duduk di sisinya bagi mendengar perkara yang ingin dibincangkan.

"Peristiwa beliau meradang itu benar-benar menyentak saya. Dari situlah, saya menyedari masalah yang beliau hadapi apabila apa yang diinginkan tidak kesampaian," kongsi Cik Amierah yang merupakan anak bongsu dua beradik.

Kerja seninya itu juga satu wadah beliau meninjau hubungan adik-beradik yang tegang atau berjuahan.

"Ketenangan dan persefahaman antara adik-beradik itu perlu. Air dicencang takkan putus.

"Saya kira menerusi kerja seni ini, saya dapat menyedari keindahan menanam sikap saling mempercayai antara adik-beradik yang kerap kali diabaikan dalam kesibukan masing-masing menjalani hidup berasangan," jelasnya yang bercita-cita menjadi guru seni lukis.

Ditanya mengenai minatnya terhadap bidang lukisan, Cik Amierah berkata beliau terdorong dengan semangat dan komitmen beberapa guru lukisannya di sekolah menengah.

"Mereka tidak putus-putus memberi saya dorongan menajamkan kemahiran seni lukis saya kerana tahu itulah kekuatan saya.

"Melihatkan dedikasi mereka, saya juga ingin mengikut jejak langkah mereka dalam menyebarkan keindahan seni kepada generasi muda," katanya lagi.

Cik Amierah berpeluang bereksperimen dengan pelbagai bahan kegunaan harian dalam pengajiannya.

Baginya, seni merapatkan hubungan dan juga merupakan satu unsur terapi.

"Saya mengharap yang terbaik buat abang saya. Walaupun cita-cita asalnya menceburi bidang perfileman terkandas di tengah jalan, saya gembira abang kini menemui tugas yang diminati sebagai pemandu bas.

"Masalah autisme yang dihadapi bukanlah penghalang baginya menikmati mutu kehidupan lebih baik. Malah, saya dapat lihat potensi dan kebijaksanaannya lebih daripada saya sendiri kerana itulah kurniaan Tuhan buat insan istimewa sepertinya," kata Cik Amierah lagi.